

11 APR 1996

Mahathir - Tiba

PERDANA MENTERI LAKU LAWATAN KERJA DUA HARI KE PERLIS

KUALA PERLIS, 11 April (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini untuk lawatan kerja dua hari ke Perlis.

Dr Mahathir yang diiringi oleh isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba dengan feri penumpang LADA Empat dari Langkawi kira-kira pukul 3 petang di jeti Kuala Perlis.

Mereka disambut oleh Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim dan isteri Datin Seri Shamsiah Mohd Yassin, Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, anggota-anggota exco kerajaan negeri serta ketua-ketua jabatan.

Dr Mahathir kemudian melihat model bot laju "Bat Boat" dan diberi taklimat ringkas daripada Pengarah Urusan Perlis Marine Engineering Sdn Bhd, Azraei Ibrahim.

Menurut Azraei, bot laju dengan lima tempat duduk yang mempunyai kemampuan 390 kuasa kuda atau 70 knot itu dibawa dari Sweeden untuk dijadikan model bot yang bakal dibina oleh syarikat berkenaan.

Beliau berkata, bot berharga lebih RM200,000 itu sesuai untuk menjalankan tugas-tugas menjaga keamanan khususnya bagi kegunaan jabatan-jabatan kerajaan seperti kastam, polis marin dan jabatan laut.

Menurutnya, model berkenaan yang mempunyai bentuk seperti kenderaan yang digunakan dalam filem "Batman" itu dijadikan model kerana ia memenangi beberapa anugerah reka bentuk antarabangsa.

Perdana Menteri dan isteri kemudian diarak dengan kenderaan menuju ke Kangar didahului oleh sepasukan penunggang motosikal anggota Barisan Nasional dari jeti ke Dewan Warisan Negeri untuk menghadiri majlis pelancaran gerak MESRA peringkat negeri petang ini. -- Bernama

IQ AHH